


**MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA)
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JPM
BIL 3/2017**

Tarikh : 14 September 2017 (Khamis)
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Tempat : Bilik Mesyuarat Wawasan
Aras 4, BHEUU
Pengerusi : Encik Mohd Yusoff bin Aman, TKP (U)
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

BIL	PERKARA	TINDAKAN
1.	PERUTUSAN Pengerusi	
1.1	Pengerusi mengalu-alukan kehadiran ahli ke Mesyuarat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Bil 3/2017. Mesyuarat Bil 2/2017 telah diadakan pada 18 Mei 2017.	Makluman
1.2	Beliau memaklumkan bahawa pengauditan telah diadakan sebanyak dua kali. Pengauditan pertama pada 4 Mei 2017 dengan markah purata 82.58 dan pengauditan kedua pada 11 Ogos 2017 dengan markah purata 86.86.	Makluman
1.3	Beliau memaklumkan bahawa BHEUU akan berusaha untuk mendapatkan pensijilan EKSA pada tahun ini. Beliau meminta agar markah pengauditan kali ketiga akan dapat melayakkan BHEUU untuk mendapatkan pensijilan EKSA.	Makluman
1.4	Tazkirah daripada Pengerusi "bersabda Nabi Muhammad S.A.W, telah ditunjukkan kepadaku semua amal perbuatan umatku, yang baik mahupun yang buruk. Maka aku dapati dalam amal kebaikan iaitu antaranya menghalau atau membuang kotoran atau gangguan dari jalanan, dan ku dapati juga dalam bahagian yang tidak baik, yakni riak di dalam Masjid, membuang kebusukan hingus di dalam masjid dan kemudian dibiarkan tidak dibuang..". Pengajaran daripada	Makluman

	hadis agar semua menjaga kebersihan dan kekemasan pejabat. Kalau ada keburukan kita jadikan ianya sebagai kebaikan kalau kekurangan kita jadikan sebagai kelebihan.	
2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT EKSA BIL 2/2017		
Minit Mesyuarat Bil.2/2017 telah disahkan dengan pindaan-pindaan seperti berikut:		
2.1	Muka surat 3, No 6 “..Jumlah kutipan juga boleh dimaklumkan kepada...” kepada, “Jumlah kutipan juga boleh dimaklumkan kepada urus setia melalui email untuk tujuan rekod”.	Makluman/ Urus setia
2.2	Muka surat 4, No 8, 8.1 “..Penceramah Kursus Pengauditan EKSA, Encik Harun bin Jantan telah...” kepada “..Penceramah Kursus Pengauditan EKSA, Encik Harun bin Jantan telah mencadangkan agar sudut maya EKSA diadakan secara: i. Secara fizikal; ii. Secara maya; iii. Diletakkan dalam desk top setiap pegawai; atau iv. Diletakkan di laman web Jabatan.	Makluman Urus Setia
3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
3.1	Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum mengenai perkara-perkara berikut:	
3.1.1	Mesyuarat AJK Kecil EKSA dipinda ke bulan November 2017, memandangkan ramai yang akan bercuti pada hujung tahun.	Makluman
3.1.2	Pertandingan EKSA akan diadakan pada pertengahan bulan Oktober 2017, dan markah akan dipuratakan bagi pertandingan 11 Ogos yang lepas dengan perbandingan pada pertengahan Oktober yang akan datang, memandangkan terdapat keperluan mutu penambahbaikan dalam urusan pengauditan dan keseragaman aturan pengauditan. Purata markah ini dibuat dapat memastikan pemarkahan setiap seksyen akan	Urus Setia

	lebih konsisten dan boleh dipercayai.					
3.1.3	Cadangan agar Sektor Absolusi (Perpustakaan) bergabung di bawah Sektor Bona Fide (Seksyen Sumber Manusia).	Makluman				
3.1.4	Buku Garis Panduan EKSA diemailkan kepada semua ketua-ketua sektor sebagai panduan. Bengkel Pemurnian Garis Panduan EKSA akan diadakan pada 27 dan 28 September 2017.	Makluman/ Urus Setia				
3.1.5	Cadangan untuk melantik Juruaudit di kalangan pegawai.	Makluman				
3.1.6	Tuan Pengerusi meminta agar mutu pengauditan untuk pengauditan selanjutnya diperbaiki.	AJK Audit Dalam dan Keseragaman				
3.1.7	Mengadakan logo dalam bentuk "badge" kepada semua warga BHEUU. Pengerusi mencadangkan peruntukan diminta dari Seksyen Kewangan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa pemakaian "badge" tersebut ialah pada hari Jumaat.	Seksyen Kewangan/ UKP				
4.	LOGO EKSA BHEUU					
	Mesyuarat mengambil maklum mengenai pemilihan logo dan penerangan logo seperti berikut:					
						
	<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th style="width: 20%;">WARNA</th> <th>PENERANGAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>HIJAU</td> <td>Keseronokan dan keceriaan amalan di jabatan. Persekitaran hijau, segar dan konsisten amalan</td> </tr> </tbody> </table>	WARNA	PENERANGAN	HIJAU	Keseronokan dan keceriaan amalan di jabatan. Persekitaran hijau, segar dan konsisten amalan	
WARNA	PENERANGAN					
HIJAU	Keseronokan dan keceriaan amalan di jabatan. Persekitaran hijau, segar dan konsisten amalan					


		EKSA di jabatan.	
	BIRU	Melambangkan perpaduan dan kesepakatan dalam menjayakan EKSA di BHEUU.	
	KUNING	Melambangkan keceriaan dan kerjasama secara berpasukan yang berterusan.	
	GLOBE/BUMI	Menggalakkan aktiviti EKSA melalui pembudayaan Amalan Hijau dan Sayangi Bumi ke arah penjimatan sumber secara optimum. Ia juga menunjukkan keupayaan kreativiti dan inovasi yang luas.	
	BANGUNAN BHEUU	Skop EKSA berimej Korporat dan persekitaran kerja yang kondusif di dalam organisasi BHEUU.	
	CORAK DAUN BERWARNA HIJAU	Amalan kitar semula dan penjimatan tenaga atau "go green" di BHEUU.	
5. LAWATAN PENANDA ARAS EKSA			
	Mesyuarat mengambil maklum bahawa lawatan penanda aras EKSA ke Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah diadakan 9 Ogos 2017.		Makluman
6. CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN EKSA			
	Mesyuarat mengambil maklum bahawa Carta Perbatuan EKSA yang baru telah diperbaiki dan dikemaskini.		Makluman
7. SUMBER KEWANGAN UNTUK PELAKSANAAN EKSA DI BHEUU			
Mesyuarat bersetuju agar pengurusan sumber kewangan bagi EKSA seperti berikut:			
	7.1	Kutipan hasil kitar semula seksyen-seksyen telah dimaklumkan kepada semua sektor-sektor melalui email oleh Unit Khidmat Pengurusan (UKP) pada 21 Ogos 2017.	Semua ketua-ketua sektor – sektor EKSA /UKP
	7.2	Semua sektor-sektor diminta mengumpul semua bahan-bahan, serta menyediakan sudut bahan buangan tersebut di pejabat masing-masing untuk dipungut oleh pihak pembeli barangan lusoh samada mingguan atau bulanan dan diselia oleh pihak UKP. Arahan tersebut berkuatkuasa mulai 23 Ogos 2017.	Semua ketua-ketua sektor EKSA/UKP
	7.3	Buku Akaun disediakan untuk merekodkan kutipan 10% jualan seperti di para 7.	Semua ketua-ketua sektor

8.	PERTUKARAN NAMA SEKTOR – SEKTOR EKSA		
	Mesyuarat mengambil maklum nama-nama sektor baru seperti berikut.		
	SEKTOR/SEKSYEN	NAMA BARU (SEKTOR)	
	Medang(Pembangunan)	Litigasi	
	Merawan (Unit Khidmat Pengurusan)	Pematuhan	
	Kempas (Sumber Manusia)	Bona Fide	Makluman
	Balau(Kewangan)	Akauntabiliti	
	Keruing (Pengurusan Maklumat)	Cyber Law	
	Merbau (Dasar)	Mitigasi	
	Cengal (Pejabat KP, TKP(U), Unit Integriti)	Adil	
	Cendana (UKK)	588	
9.	CADANGAN SATU SUDUT EKSA DI BHEUU		
	Mesyuarat telah memutuskan untuk mengadakan satu sudut EKSA secara maya di BHEUU.		
10.	PENGAUDITAN EKSA		
10.1	Mesyuarat bersetuju dengan pandangan Encik Harun bin Jantan supaya pengauditan yang lebih kerap diperlukan sebelum pengauditan dengan MAMPU dilaksanakan bagi memastikan semua sektor dalam keseragaman.	Ahli Jawatankuasa Audit	
10.2	Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat banyak agensi yang menunggu giliran untuk mendapatkan pensijilan EKSA daripada MAMPU.	Makluman	

10.3	Mesyuarat mengambil maklum mengenai markah-markah pengauditan seperti berikut:	Makluman																														
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Nama Sektor/Kawasan di audit</th> <th>Markah yang diperolehi (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Bona Fide (Pengurusan Sumber Manusia)</td> <td>95.33</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Pematuhan (Unit Khidmat Pengurusan)</td> <td>92.42</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>588 (Unit Komunikasi Korporat)</td> <td>89.85</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>Adil (Pejabat Ketua Pengarah)</td> <td>86.36</td> </tr> <tr> <td>5</td> <td>Litigasi (Seksyen Pembangunan)</td> <td>85.53</td> </tr> <tr> <td>6</td> <td>Cyber Law (Seksyen Pengurusan Maklumat)</td> <td>82.19</td> </tr> <tr> <td>7</td> <td>Mitigasi (Seksyen Dasar)</td> <td>81.98</td> </tr> <tr> <td>8</td> <td>Akauntabiliti (Seksyen Kewangan)</td> <td>81.21</td> </tr> <tr> <td colspan="2">MARKAH PURATA</td> <td>86.86</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Nama Sektor/Kawasan di audit	Markah yang diperolehi (%)	1	Bona Fide (Pengurusan Sumber Manusia)	95.33	2	Pematuhan (Unit Khidmat Pengurusan)	92.42	3	588 (Unit Komunikasi Korporat)	89.85	4	Adil (Pejabat Ketua Pengarah)	86.36	5	Litigasi (Seksyen Pembangunan)	85.53	6	Cyber Law (Seksyen Pengurusan Maklumat)	82.19	7	Mitigasi (Seksyen Dasar)	81.98	8	Akauntabiliti (Seksyen Kewangan)	81.21	MARKAH PURATA		86.86
Bil	Nama Sektor/Kawasan di audit		Markah yang diperolehi (%)																													
1	Bona Fide (Pengurusan Sumber Manusia)		95.33																													
2	Pematuhan (Unit Khidmat Pengurusan)		92.42																													
3	588 (Unit Komunikasi Korporat)		89.85																													
4	Adil (Pejabat Ketua Pengarah)		86.36																													
5	Litigasi (Seksyen Pembangunan)		85.53																													
6	Cyber Law (Seksyen Pengurusan Maklumat)		82.19																													
7	Mitigasi (Seksyen Dasar)	81.98																														
8	Akauntabiliti (Seksyen Kewangan)	81.21																														
MARKAH PURATA		86.86																														
10.4	Laporan Pengauditan Jawatankuasa Audit EKSA adalah seperti di Lampiran B.	Makluman																														
10.5	Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan "reverse parking".	Unit Khidmat Pengurusan																														
10.6	Kajian mengenai penjimatan kos api dan air dalam pengamalan EKSA perlu disediakan.	Urus Setia																														
11.	HAL-HAL LAIN																															
	Mesyuarat mengambil maklum akan perkara-perkara berkaitan pengauditan seperti berikut:																															
11.1	Baju kot dan sebagainya tidak boleh digantung di kerusi, semasa pengauditan.	Makluman/ Semua																														
11.2	Peralatan alat tulis mestilah dalam keadaan kemas dan tersusun. Peralatan yang tajam	Makluman/ Semua																														

		diletakkan di bahagian belakang.	
	11.3	Hiasan seperti ikan, pasu bunga dibenarkan. Hiasan peribadi tidak boleh melebihi satu pertiga ruang kerja.	Makluman/ Semua
	11.4	Ketua Juru Audit meminta agar tatacara pengauditan yang diedarkan, diikuti oleh semua warga BHEUU.	Makluman/ Semua
	11.5	Salinan tempat letak kunci tidak boleh dilabelkan.	Makluman/ Semua
	11.6	Kepala suis perlu dilabelkan. Contoh, printer, cpu, kipas dan sebagainya. Semua wayar perlu dikemaskan dengan <i>cable tie</i> .	Makluman/ Semua
	11.7	Pengauditan seterusnya ialah pada pertengahan bulan Oktober 2017.	Makluman/ Semua
12.	PENUTUP		
	Mesyuarat ditangguhkan jam 12.00 tengahari.		

Disediakan oleh:



.....
Nooraini binti Ahmad Kushashi

Unit Inovasi

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

Tarikh: 28 September 2017

Disemak oleh:




.....
Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman

(Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia)

Tarikh:

Disahkan oleh:

9/10/17



.....
Encik Mohd Yusoff bin Aman

(Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan))

Tarikh: 11/10/17

LAMPIRAN A

KEHADIRAN

- | | |
|--|--|
| 1. Encik Mohd Yusoff bin Aman
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) | Pengerusi |
| 2. Encik Harun bin Jantan
Bahagian GST, Ibu Pejabat Kastam Diraja
Malaysia | Champion EKSAMAMPU |
| 3. Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman
Pengarah (Seksyen Pengurusan Sumber
Manusia) | Ketua Seksyen |
| 4. Puan YM Raja Suzilawati binti Raja Hasan
Ketua Penolong Pengarah (Seksyen
Pembangunan)
Fasilitator | Fasilitator |
| 5. Encik Bahrunnizam bin Abd Kadir
Penolong Pengarah Kanan (Seksyen
Kewangan) | Ketua
Jawatankuasa
Audit Dalam EKSA |
| 6. Puan Nor Dalila binti Md Din
Penolong Pengarah Kanan (Seksyen
Pembangunan) | Ketua
Jawatankuasa
Latihan |
| 7. Puan Nor Wahida binti Abdul Muntak
Setiausaha Pejabat (Seksyen
Pembangunan) | Ahli Jawatankuasa
Promosi |
| 8. Puan Prema A/P Raghaven
Penolong Pegawai Penerangan (Unit
Komunikasi Korporat) | Ketua Sektor 588 |
| 9. Puan Khairul Azwati binti Bukhari
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
(Seksyen Pengurusan Maklumat) | Ketua Sektor <i>Cyber
Law</i> |
| 10. Encik Selamat bin Buang
Penolong Pegawai Tadbir (Unit Khidmat
Pengurusan) | Ketua Sektor
Pematuhan, Aras 5,
Unit Khidmat
Pengurusan |

- | | |
|---|---|
| 11. Puan Noor Aishah binti Mohd Talib
Pembantu Tadbir (Seksyen Pengurusan
Sumber Manusia) | Ketua Sektor
<i>Bona Fide</i> , Aras 5
Unit Sumber
Manusia |
| 12. Puan Noor Akmar binti Shahrin
Pembantu Tadbir (Seksyen Dasar) | Ketua Sektor
<i>Mitigasi</i> , Aras 6 |
| 13. Encik Mohd Ariffudin bin Ghazali
Pembantu Tadbir (Unit Integriti) | Ketua Sektor
Adil, Aras 7 |
| 14. Puan Norlida binti Ibrahim
Pembantu Tadbir (Seksyen Pembangunan) | Ketua Sektor
<i>Litigasi</i> , Aras 4 |
| 15. Puan Siti Aishah binti Yahaya
Penolong Akauntan (Seksyen Kewangan) | Ketua Sektor
<i>Akauntabiliti</i> , Aras 5
Seksyen Kewangan |

TIDAK HADIR DENGAN MAKLUMAN

- | | |
|--|---|
| 16. Encik Azham bin Bachok @ Hj Mohd Yassin
Pengarah | Seksyen Kewangan |
| 17. Puan Salmiah binti Ismail
Pengarah | Seksyen
Pengurusan
Maklumat |
| 18. YM Tengku Adnin bin Tengku Adnan
Pengarah | Seksyen
Pembangunan |
| 19. Puan Shamsiah binti Daud
Ketua Komunikasi Korporat | Unit Komunikasi
Korporat |
| 20. Puan Nor Azlina binti Kamaruddin
Ketua Penolong Pengarah (Seksyen
Pengurusan Maklumat) | Ketua
Jawatankuasa
Promosi |
| 21. Encik Shahrin bin Othman
Penolong Pustakawan | Seksyen
Pengurusan
Sumber Manusia |


- | | |
|--|------------|
| 22. Puan Nooraini binti Ahmad Kushashi
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Unit
Inovasi) | Urus Setia |
| 23. Puan Habibatul Adliyah binti Jusoh
Pembantu Tadbir (Seksyen Pengurusan
Sumber Manusia) | Urus Setia |

LAMPIRAN B

LAPORAN JAWATAN KUASA AUDIT EKSA BHEUU

11 OGOS 2017

MARKAH PENGAUDITAN BAGI 11 OGOS 2017, 5 MEI 2017 DAN 28 APRIL 2016



PENAMBAHBAIKAN

LATIH AMAL AUDITAN EKSA BHEUU MEI 2017

3



Penemuan:


- Peralatan yang tidak tersusun
- Wayar yang masih berselirat
- Barang peribadi tidak diletakkan di tempat sepatutnya

Cadangan Penambahbaikan :

- Pastikan barangan peribadi diletakkan di ruangan/lac peribadi
- Wayar perlu diperkemas (guna *cable tight*)

LATIH AMAL AUDITAN EKSA BHEUU MEI 2017

4




Penemuan:

- Terdapat bendera/sudut kemerdekaan (outdated)
- Bilik Fail : terdapat banyak fail perlu dilupuskan, tiada label fail di laci cabinet
- peti kunci xperlu labelkan sebagai 'peti kunci'

Cadangan Penambahbaikan :

- Turunkan bendera/sudut kemerdekaan tersebut
- tagging warna merah utk fail yg nak dilupuskan
- Labelkan peti kunci dengan nama yang lain/tiada kaitan

LATIH AMAL AUDITAN EKSA BHELU MEI 2017 5




Penemuan:

- Perhiasan tidak bersesuaian (outdated)
- Peralatan yang tidak sepatutnya diletakkan (kerusi diluar tingkap)
- Lantai yang tidak ditutup kemas


Cadangan Penambahbaikan :

- Hiasan tidak berkaitan perlu diturunkan (bendera, kad raya)
- Aspek keselamatan perlu dititikberatkan.


LATIH AMAL AUDITAN EKSA BHELU MEI 2017 6





Penemuan:
Soket tidak dilabel dengan baik.



Cadangan Penambahbaikan :
Soket di labelkan



Penemuan:
Wayar berselirat dan tidak selamat




Cadangan Penambahbaikan :

- Mengemas wayar-wayar supaya lebih teratur dan kemas
- gunakan masking tape.



Penemuan:
Susun atur rak yang tidak kemas



Cadangan Penambahbaikan :
Menyusun buku/majalah dengan kemas



Penemuan:
Pintu tandas tidak dilabel



Cadangan Penambahbaikan :
Melabelkan tandas duduk dan cangkung



Penemuan:
Meja tidak kemas



Cadangan Penambahbaikan :
Mengemas meja dan memastikan fail yang tidak digunakan disimpan

AMALAN BAIK
—————
(BEST PRACTISE)




Penemuan:

- Sudut peralatan yang kemas dan teratur (cop tersusun dan mudah difahami, label pada wayar/plug)
- Ciri-ciri kreativiti digunakan walaupun boleh ditambahbaik (rak kasut guna kotak recycle, lampu sbg hiasan)

LATIH AMAL AUDITAN EKSA BHEUU MEI 2017

13



Penemuan:

- Sudut peralatan di stor yang kemas dan teratur
- Sudut PKKKB kreatif
- Tatacara/ etika mesin jelas
- Sudut peribadi yang kemas



LATIH AMAL AUDITAN EKSA BHEUU MEI 2017

14



Penemuan:

- Menyediakan buku daftar penggunaan mesin dengan hasil kreativiti sendiri



Penemuan:

- Cap dilabel dengan kemas dan teratur



Penemuan:

- Sudut hiasan dengan menggunakan tumbuhan segar



Penemuan:

- Sudut peralatan yang kemas dan teratur

9/28/2017

PENGAUDITAN BERIKUTNYA:

21 SEPTEMBER 2017